

# Zon RST Bab 3

## Aras Rendah

1. Apakah tujuan utama insurans?  
*What is the main purpose of insurance?*
  - A Mengurangkan cukai  
*To reduce taxes*
  - B Membuat keuntungan  
*To make a profit*
  - C Meningkatkan pendapatan  
*To increase income*
  - D Melindungi daripada risiko kewangan  
*To protect against financial risks*
  
2. Apakah istilah yang merujuk kepada bayaran yang dibuat oleh pemegang polisi kepada syarikat insurans sebagai balasan kepada perlindungan?  
*What term refers to the payment made by the policyholder to the insurance company in exchange for coverage?*
  - A Polisi  
*Policy*
  - B Tuntutan  
*Claim*
  - C Premium  
*Premium*
  - D Deduktibel  
*Deductible*
  
3. Apakah peruntukan dalam kontrak insurans yang menyatakan suatu jumlah yang perlu ditanggung oleh pemegang polisi sebelum layak membuat tuntutan daripada syarikat insurans?  
*What is the provision in an insurance contract that states an amount to be borne by the policyholder before being eligible to make a claim from the insurance company?*
  - A Ko-insurans  
*Co-insurance*
  - B Deduktibel  
*Deductible*
  - C Premium  
*Premium*
  - D Polisi  
*Policy*

## 4. Ko-insurans bermakna

*Co-insurance means*

- A pemegang polisi membayar sebahagian daripada kos tuntutan  
*the policyholder pays a portion of the claim cost*
- B pemegang polisi tidak perlu membayar apa-apa  
*the policyholder does not have to pay anything*
- C syarikat insurans membayar keseluruhan kos  
*the insurance company pays the entire cost*
- D tiada kos tambahan  
*no additional cost*

5. Antara berikut, yang manakah **bukan** contoh insurans am?*Which of the following is **not** an example of general insurance?*

- A Insurans hayat  
*Life insurance*
- B Insurans motor  
*Motor insurance*
- C Insurans perubatan  
*Medical insurance*
- D Insurans kebakaran  
*Fire insurance*

## Aras Sederhana



## 6. Puan Aisyah, seorang wanita berumur 35 tahun yang tidak merokok, ingin membeli sebuah insurans dengan nilai muka RM120 000. Jadual kadar premium tahunan bagi setiap RM1 000 nilai muka insurans yang ditawarkan oleh Syarikat Insurans XYZ adalah seperti berikut.

*Puan Aisyah, a 35-year-old non-smoking woman, wants to buy an insurance policy with a face value of RM120 000. The annual premium rate schedule per RM1 000 face value of insurance offered by Syarikat Insurans XYZ is as follows.*

| Umur (pada hari jadi berikutnya)<br><i>Age (at next birthday)</i> | Bukan Perokok (RM)<br><i>Non-Smoker (RM)</i> | Perokok (RM)<br><i>Smoker (RM)</i> |
|-------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------|------------------------------------|
| Lelaki 30 tahun<br><i>Male 30 years old</i>                       | 2.49                                         | 3.14                               |
| Perempuan 30 tahun<br><i>Female 30 years old</i>                  | 1.50                                         | 2.05                               |
| Lelaki 35 tahun<br><i>Male 35 years old</i>                       | 2.75                                         | 3.50                               |
| Perempuan 35 tahun<br><i>Female 35 years old</i>                  | 1.80                                         | 2.40                               |

Hitung premium tahunan yang perlu dibayar oleh Puan Aisyah.

*Calculate the annual premium to be paid by Puan Aisyah.*

## 7. Encik Ahmad mempunyai insurans kereta dengan premium tahunan RM1 200 dan deduktibel RM500. Jika kerosakan pada keretanya bernilai RM3 000 akibat kemalangan jalan raya, berapakah jumlah yang akan dibayar oleh syarikat insurans?

*Encik Ahmad has a car insurance with an annual premium of RM1 200 and a deductible of RM500. If the damage to his car is valued at RM3 000 due to a road accident, what is the amount that will be paid by the insurance company?*

8. Encik Zaki mempunyai polisi insurans perubatan dengan peruntukan deduktibel sebanyak RM1 000 dan fasal penyertaan peratusan ko-insurans 80/20 dalam polisinya. Jika kos perubatan yang dilindungi polisinya berjumlah RM25 000, hitung jumlah bayaran kos yang ditanggung oleh syarikat insurans dan Encik Zaki sendiri.

*Encik Zaki has a medical insurance policy with a deductible provision of RM1 000 and an 80/20 co-insurance percentage participation clause in his policy. If the medical cost covered by his policy amounts to RM25 000, calculate the total cost borne by the insurance company and Encik Zaki himself.*

## Aras Tinggi **T**

9. Encik Amir memiliki polisi insurans kebakaran untuk premis perniagaannya dengan nilai boleh insurans harta sebanyak RM300 000. Polisi ini mempunyai fasal ko-insurans 80% dan deduktibel sebanyak RM1 000. Encik Amir telah menginsuranskan premisnya dengan nilai RM200 000. Jika premisnya mengalami kerugian akibat kebakaran bernilai RM50 000, hitung

*Encik Amir has a fire insurance policy for his business premise with an insurable value of RM300 000. This policy has an 80% co-insurance clause and a deductible of RM1 000. Encik Amir has insured his premise for RM200 000. If his premise suffers a loss due to fire valued at RM50 000, calculate*

- (a) jumlah insurans yang seharusnya dibeli oleh Encik Amir,  
*the amount of insurance that Encik Amir should have purchased,*
- (b) jumlah pampasan yang akan diterima oleh Encik Amir daripada syarikat insurans.  
*the amount of compensation that Encik Amir will receive from the insurance company.*

10. Encik Firdaus memiliki sebuah kereta persendirian yang digunakan di Semenanjung Malaysia. Beliau ingin menginsuranskan keretanya dengan polisi komprehensif. Maklumat kereta Encik Firdaus adalah seperti berikut.

*Encik Firdaus owns a private car used in Peninsular Malaysia. He wants to insure his car with a comprehensive policy. The information for Encik Firdaus's car is as follows.*

Jumlah yang ingin diinsuranskan: RM75 000  
*Sum insured:*  
 Kapasiti enjin: 2400 cc  
*Engine capacity*  
 Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD): 25%  
*No-Claim Discount (NCD):*

Hitung premium kasar tahunan yang perlu dibayar oleh Encik Firdaus untuk polisi insurans komprehensif keretanya. Tunjukkan langkah pengiraan anda berdasarkan Jadual Tarif Motor yang berkaitan dalam buku teks muka surat 83.

*Calculate the annual gross premium to be paid by Encik Firdaus for his car's comprehensive insurance policy. Show your calculation steps based on the relevant Motor Tariff Table in the textbook on page 83.*

# Jawapan

1. D
2. C
3. B
4. A
5. A
6. RM216
7. RM2 500
8. Bayaran oleh syarikat insurans = RM19 200  
*Payment by insurance company*  
Bayaran oleh Encik Zaki = RM5 800  
*Payment by Encik Zaki*
9. (a) RM240 000  
(b) RM40 666.67
10. RM1 722.45